



## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **PERMOHONAN PEMFAILAN EKSPRES BAGI PELANGGAN YANG BERADA DALAM KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

<b>No</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
1	Apakah itu permohonan pemfailan ekspres?	<p>Permohonan pemfailan ekspres adalah salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh SSM bagi mempercepatkan proses serahsimpan dokumen berkanun syarikat.</p> <p>Bagi negeri yang berada dalam Kawasan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) dan perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) boleh berurusan di kaunter seperti biasa.</p>
2	Siapakah yang layak membuat permohonan?	Hanya Pengarah Syarikat bagi negeri-negeri yang berada dalam kawasan perintah kawalan pergerakan (PKP) sahaja dibenarkan membuat permohonan.
3	Apakah syarat-syarat permohonan pemfailan ekspres?	<p>Syarat-syarat permohonan pemfailan ekspres adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Permohonan hendaklah disertakan dengan surat iringan dan tujuan pemfailan ekspres yang ditandatangan oleh Pengarah Syarikat; dan</li><li>Tiada dokumen terdahulu yang berstatus kueri atau dokumen sama yang masih dalam proses.</li></ol>
4	Berapa lamakah tempoh masa permohonan akan diproses?	Permohonan pemfailan ekspres akan diproses dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada dokumen diserahsimpan sehingga dokumen dimuat turun secara atas talian.

5	Berapakah fi yang dikenakan bagi perkhidmatan pemfailan ekspres?	Fi bagi perkhidmatan pemfailan ekspres adalah RM100 bagi satu syarikat tidak termasuk bayaran jenis dokumen dan lewat serahsimpan.
6	Apakah kaedah pembayaran yang diterima bagi perkhidmatan pemfailan ekspres?	Bagi negeri yang dikenakan PKP, kaedah pembayaran secara <i>cashless</i> atau tanpa tunai sahaja yang diterima iaitu deraf bank.
7	Siapa yang perlu dihubungi sekiranya mempunyai pertanyaan lebih lanjut mengenai permohonan pemfailan ekspres?	Sekiranya pelanggan mempunyai pertanyaan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut berkenaan permohonan pemfailan ekspres sepanjang tempoh PKP, pelanggan boleh majukan emel ke <a href="mailto:enquiry@ssm.com.my">enquiry@ssm.com.my</a> atau hubungi talian 03-7721 4000.

Tarikh : 14 Januari 2021